



جابتن كواغن دان قرينداها راعن نخري

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan Kami : PNM(KPS)125Jld2.(5)

Tarikh : 24 Mei 2016

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL,
SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB,
NEGERI MELAKA
(Seperti Senarai Edaran)

YB. Datuk Wira/ YB. Datuk/ Tuan/ Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 06 TAHUN 2016 PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 07 TAHUN 2015 : PENGHANTARAN PENYATA TERIMAAN DAN BAYARAN BAGI AKAUN AMANAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Surat ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Pindaan kepada Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bil 07 Tahun 2015.
- Untuk makluman YB. Datuk Wira/ YB. Datuk/ Tuan/ Puan, dalam Surat Arahan Operasi Bendahari tersebut pada perenggan 3.2 - Jadual penghantaran **dipinda kepada Jadual penghantaran seperti berikut:**

BIL	JENIS PENYATA	TARIKH PENGHANTARAN	TINDAKAN	DIHANTAR KEPADA
1	Penyata Terimaan dan Bayaran Bulanan	Setiap bulan iaitu sebelum atau pada 21 haribulan bulan berikutnya.	Jabatan/ PTJ	1. Pegawai Pengawal 2. Bendahari Negeri
2	Penyata Terimaan dan Bayaran Disatukan - Setiap suku tahun	1 (Jan -Mac) sebelum 21hb April 2 (April-Jun) sebelum 21hb Julai 3 (Julai-Sept) sebelum 21hb Okt 4 (Okt - Dis) sebelum 21hb Jan	Pegawai Pengawal	1. Bendahari Negeri



3	Penyata Terimaan dan Bayaran Disatukan (Januari - Disember)	Mengikut Surat Arahan Operasi Peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri yang akan dikeluarkan pada setiap penghujung tahun.	Jabatan/ PTJ dan Pegawai Pengawal	1.Dua (02) salinan kepada Bendahari Negeri.
---	---	---	-----------------------------------	---

4. **Tambahan** kepada Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bil 07 Tahun 2015 pula adalah seperti berikut:

4.1 Penyata Terimaan dan Bayaran (PTB) perlu disediakan berdasarkan kepada baki di Buku Amanah SPEKS. **Sekiranya baki di Buku amanah SPEKS/ PTB berbeza dengan flimsi ianya perlu ditunjukkan di Penyata Penyesuaian Amanah dan dikemukakan ke Bendahari Negeri.** Jabatan/ PTJ yang menyediakan PTB perlu memastikan baki akhir di PTB dan di \ Laporan Buku Amanah SPEKS adalah sama.

4.2 Perbezaan amaun di antara baki di Buku Amanah SPEKS dan Flimsi (Laporan 402) Disember Tambahan Akhir (AKB) hendaklah disokong dengan Penyata Penyesuaian Amanah. Jabatan/ PTJ **diingatkan agar menyemak flimsi sehingga akhir tempoh AKB dan mengemukakan Penyata Penyesuaian Amanah sehingga tempoh AKB ke Bendahari Negeri.**

5. Pindaan dan tambahan ini berkuatkuasa daripada tarikh surat arahan operasi ini.

6. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai di Unit Khidmat Perunding SPEKS di talian 06-2307578/ 7574/ 7296.


Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”

Saya yang menurut perintah,



(JAFRIL BIN JUNIT)
Bendahari Negeri **Melaka**

S.K: 1. Y.B Pegawai Kewangan Negeri Melaka

2. Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka

LAMPIRAN

- 1) Setiausaha Sulit
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 2) Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan,
Unit Dewan dan MMKN Melaka
- 3) Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Jabatan Ketua Menteri, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 4) Pegawai Kemajuan Negeri,
Pejabat Pembangunan Negeri, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 5) Pengarah,
Jabatan Pertanian Negeri Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 6) Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 7) Pengarah,
Pejabat Daerah Melaka Tengah, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 8) Pengarah,
Pejabat Daerah Alor Gajah, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 9) Pengarah,
Pejabat Daerah Jasin, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 10) Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 11) Pengarah,
Jabatan Hutan, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 12) Pengarah,
Jabatan Kerja Raya, Melaka
(up: Unit Kewangan)
- 13) Pengarah,
Jabatan Agama Islam, Melaka
(up: Unit Kewangan)